

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR  
[ TEMERLOH ]**

**TARIKH : 18 NOVEMBER 2020 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK WIRA HAJI MOHD. ANUAR MOHD. TAHIR [ TEMERLOH ]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan status rancangan penstrukturan industri perkhidmatan air di Malaysia serta peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Sehingga kini sebanyak tujuh (7) buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perak, Selangor dan Kelantan telah memuktamadkan Penstrukturan Semula Industri Perkhidmatan Bekalan Air.
2. Dalam konteks negeri Perlis, perjanjian penstrukturan yang ditandatangani pada tahun 2010 masih belum berkuatkuasa disebabkan obligasi berhubung pengambilalihan pinjaman belum dilaksanakan. Obligasi ini hanya akan dapat dilaksanakan setelah Syarikat Air Perlis Sdn. Bhd. dimasukkan sebagai salah satu pihak di dalam Perjanjian Utama, Perjanjian Kemudahan dan Perjanjian Pajakan yang dijangka dapat dimuktamadkan pada akhir Disember 2020.
3. Penstrukturan semula industri bekalan air bagi Negeri Kedah dan Pahang kini memasuki tahap terakhir rundingan bagi memuktamadkan perjanjian-perjanjian penstrukturan yang dijangka dapat ditandatangani pada akhir Disember 2020. Manakala, proses rundingan penstrukturan semula industri bekalan air Negeri Terengganu masih berada pada peringkat awal rundingan.

## NO. SOALAN : 16

4. Sebagai menjawab persoalan Ahli Yang Berhormat mengenai peranan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), suka saya menjelaskan bahawa SPAN merupakan badan kawal selia industri perkhidmatan bekalan air dan perkhidmatan pembedungan di Semenanjung Malaysia, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang ditubuhkan melalui Akta Suruhajaya Perkhidmatan Air Negara 2006 (Akta 654).

5. Kawal selia SPAN ke atas operator dilaksanakan melalui mekanisme pelesenan, permit dan kelulusan produk. Teras kawal selia SPAN adalah merangkumi empat (4) bidang utama kawal selia iaitu teknikal, ekonomi, sosial dan perlindungan pengguna yang mana berpandukan peruntukan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) yang telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2008.

6. Dari aspek kawal selia teknikal SPAN bertanggung jawab untuk memastikan spesifikasi teknikal, rekabentuk, pembinaan, penyelenggaraan dan operasi sistem bekalan air dan pembedungan dilaksanakan berdasarkan standard teknikal yang telah ditetapkan. Manakala, dalam aspek kawal selia ekonomi pula pengawalseliaan dilaksanakan SPAN dengan memastikan operator air dan pembedungan beroperasi berdasarkan rancangan perniagaan yang berdaya maju serta cekap dengan mengimbangi aspek perbelanjaan operasi, perbelanjaan pembangunan dan tarif yang dikenakan.

7. Melalui bidang kawal selia kepenggunaan SPAN memastikan perkhidmatan yang diberikan kepada pengguna sentiasa berada di tahap yang terbaik berdasarkan petunjuk prestasi yang ditetapkan. Pada masa yang sama SPAN juga memastikan aduan serta pertikaian yang melibatkan pengguna di selesaikan dengan baik serta adil. Peranan kawal selia sosial pula dilaksanakan dengan memastikan aktiviti perkhidmatan bekalan air dan pembedungan mengimbangi keperluan pelestarian alam sekitar serta kepentingan awam dan tidak hanya berorientasikan keperluan industri semata-mata.

8. Melalui empat pendekatan kawal selia ini Kementerian percaya SPAN berupaya melaksanakan peranannya sebagai badan kawal selia industri yang mantap serta berwibawa dalam memajukan perkhidmatan bekalan air dan pembedungan di negara ini.

Sekian, terima kasih.